

**PERANAN *CENTRAL INTELLIGENCE AGENCY*  
(CIA) DAN *SPECIAL AIR SERVICE* (SAS) DALAM  
PENYELESAIAN ISU KONFRONTASI  
MALAYSIA – INDONESIA, 1963-1966**

**NUR HAFIZAH BINTI ALIMUNIR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**2023**

**PERANAN *CENTRAL INTELLIGENCE AGENCY* (CIA) DAN  
*SPECIAL AIR SERVICE* (SAS) DALAM PENYELESAIAN ISU  
KONFRONTASI MALAYSIA – INDONESIA, 1963 -1966**

**NUR HAFIZAH BINTI ALIMUNIR**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
(SEJARAH) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2023**



**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Saya, NUR HAFIZAH BINTI ALIMUNIR, D20191089023, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengakui bahawa Projek Tahun Akhir yang bertajuk PERANAN CENTRAL INTELLIGENCE AGENCY (CIA) DAN SPECIAL AIR SERVICE (SAS) DALAM PENYELESAIAN ISU KONFRONTASI MALAYSIA – INDONESIA, 1963 - 1966 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

*Hafizah*

.....  
Nama: Nur Hafizah binti Alimunir

Matrik: D20191089023



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnianya kerana akhirnya saya berjaya menyiapkan penulisan tesis ini. Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya sebagai penyelidik telah banyak mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh itu, sebagai penyelidik, sudah sepatutnya ucapan terima kasih ini saya dedikasikan buat mereka.

Pertama-tamanya di kesempatan ini izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Profesor Dr. Ishak Saat yang telah membimbing dan menyokong saya dalam memulakan penyelidikan ini. Hal yang sama juga ingin diucapkan kepada pensyarah-pensyarah lain yang telah mencurahkan ilmu mereka kepada diri saya selama ini. Terima kasih diucapkan.

Saya juga ingin menunjukan penghargaan yang setulusnya kepada kedua ibu bapa serta keluarga saya yang sentiasa menitipkan doa serta banyak berkorban demi saya tidak kira dari segi tenaga mahupun kewangan semata-mata ingin melihat tugas saya ini mencapai tahap dan mutu yang diinginkan oleh pihak universiti, fakulti serta jabatan. Didoakan semoga segala pengorbanan mereka dapat dibalas suatu hari nanti dengan kejayaan diri ini.

Ucapan terima kasih juga didedikasikan kepada pihak-pihak lain yang terlibat seperti para pegawai dari Arkib Negara Malaysia, pegawai-pegawai daripada perpustakaan yang telah dikunjungi serta sahabat handai yang sama-sama berjuang dan membantu di kala diri ini sangat memerlukan. Saya sangat berterima kasih dengan bantuan yang telah diberikan. Semoga ukhwah kita ini berkekalan.

Akhir kata, diharapkan dengan terhasilnya kajian tahun akhir yang bertajuk Peranan *Central Intelligence* (CIA) dan *Special Air Service* (SAS) dalam Penyelesaian Isu Konfrontasi Malaysia-Indonesia, 1963–1966 ini sedikit sebanyak dapat membuka lembaran baru berkaitan dengan kajian sejarah.





## **PERANAN *CENTRAL INTELLIGENCE AGENCY* (CIA) DAN *SPECIAL AIR SERVICE* (SAS) DALAM PENYELESAIAN ISU KONFRONTASI MALAYSIA – INDONESIA, 1963 -1966**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa adanya penglibatan *Central Intelligence Agency* (CIA) dan *Special Air Service* (SAS) dalam konfrontasi yang melibatkan Malaysia serta Indonesia pada tahun 1963 hingga tahun 1966. Fokus kajian ini ialah untuk menganalisis sejauh mana hubungkait *CIA* dan *SAS* dalam Tragedi Gerakan 30 September (G30S) yang berlaku di Indonesia semasa konfrontasi sehingga membawa kepada penggulingan Presiden Indonesia ketika itu. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah dengan pendekatan kualitatif yang mengandungi empat peringkat penyelidikan iaitu, heuristik, kritik, pentafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer yang terdiri daripada pelbagai bentuk dokumen diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, laman sesawang *Central Intelligence Agency* (CIA), *National Security Archive*, *National Singapore Archive*, *Newspaper Singapore Archive* dan *Trove Newspaper*. Sumber sekunder pula terdiri daripada bahan bacaan yang diterbitkan seperti buku, jurnal dan tesis yang dipinjam daripada perpustakaan. Sumber tersebut dinilai melalui proses kritikan sejarah untuk memastikan ketulenan sumber dan kesahan maklumat. Fakta yang diperoleh ditafsir dan ditulis dalam bentuk naratif serta menekankan aspek sebab dan akibat. Hasil kajian menunjukkan bahawa memang terdapat peranan pihak Amerika Syarikat melalui *CIA* dan juga pihak British melalui *SAS* semasa konfrontasi yang melibatkan Indonesia dan juga Malaysia. Kesimpulan daripada kajian ini ialah, penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh pihak *CIA* dan juga *SAS* secara tidak langsung membawa kepada penyelesaian isu konfrontasi dan penamatan persengketaan diantara kedua-dua negara berjiranan ini. Kajian ini jelasnya telah membawa kesedaran tentang perubahan landskap sejarah kedua-dua negara ini tidak kira dari segi politik, pertahanan, ekonomi mahupun sosialnya. Oleh itu, sebagai warganegara yang cinta akan negara, kita seharusnya sentiasa bekerjasama bagi memastikan keamanan negara terus kekal terpelihara agar persengketaan yang melibatkan negara berjiranan ini dapat dielakkan.



## SENARAI KANDUNGAN

### Halaman

|                   |            |
|-------------------|------------|
| Tajuk             |            |
| Perakuan Keaslian | ii         |
| Penghargaan       | iii        |
| Abstrak           | iv         |
| Senarai Kandungan | v - vii    |
| Senarai Jadual    | viii       |
| Senarai Rajah     | ix         |
| Senarai Peta      | x          |
| Senarai Gambar    | xi         |
| Senarai Singkatan | xii - xiii |

## BAB 1: PENDAHULUAN

|                           |       |
|---------------------------|-------|
| 1.1 Pengenalan            | 1 – 3 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 – 5 |
| 1.3 Permasalahan Kajian   | 5 – 6 |
| 1.4 Objektif Kajian       | 6     |
| 1.5 Kepentingan Kajian    | 6 – 7 |
| 1.6 Skop Kajian           | 7     |
| 1.6.1 Masa                | 7 - 8 |

|                                      |         |
|--------------------------------------|---------|
| 1.6.2 Lokasi                         | 8       |
| 1.6.3 Aspek                          | 8       |
| 1.7 Tinjauan Kajian Lepas            | 8 – 16  |
| 1.8 Metodologi Kajian                | 17      |
| 1.9 Definisi Operasional atau Konsep | 18 – 20 |
| 1.10 Pembahagian Bab                 | 20 – 21 |
| 1.11 Rumusan                         | 21      |

## **BAB 2: LATAR BELAKANG KONFRONTASI, PERISIKAN AMERIKA SYARIKAT DAN PERTAHANAN BRITISH**

|                                                               |         |
|---------------------------------------------------------------|---------|
| 2.1 Pengenalan                                                | 22 - 23 |
| 2.2 Sejarah Konfrontasi                                       | 23 – 28 |
| 2.3 Sejarah Perisikan Amerika Syarikat                        | 28 – 34 |
| 2.3.1 OSS kepada CIA                                          | 34 – 39 |
| 2.3.2 Peranan CIA sebagai Agensi Perisikan Pusat Antarabangsa | 39 – 42 |
| 2.4 Sejarah Pertahanan British                                | 42 – 45 |
| 2.4.1 SAS dalam Ketenteraan British                           | 45 – 46 |
| 2.4.2 Peranan SAS sebagai Badan Operasi Khas Antarabangsa     | 46 – 47 |
| 2.5 Kesimpulan                                                | 47 - 48 |

## **BAB 3: HUBUNGKAIT CIA DAN SAS DALAM TRAGEDI GERAKAN 30 SEPTEMBER (G30S) 1965**

|                |         |
|----------------|---------|
| 3.1 Pengenalan | 49 - 50 |
|----------------|---------|

|                                                           |         |
|-----------------------------------------------------------|---------|
| 3.2 Teori G30S                                            | 50 - 54 |
| 3.3 Kronologi Tragedi G30S                                | 55 – 57 |
| 3.4 Keterlibatan dan Peranan CIA dalam Tragedi G30S, 1965 | 57 – 61 |
| 3.5 Keterlibatan dan Peranan SAS dalam Tragedi G30S, 1965 | 61 – 68 |
| 3.6 Kesimpulan                                            | 69      |

#### **BAB 4: KESAN KETERLIBATAN CIA DAN SAS**

|                                                      |         |
|------------------------------------------------------|---------|
| 4.1: Pengenalan                                      | 70 – 71 |
| 4.2: Penggulingan Presiden Soekarno                  | 71 – 80 |
| 4.3 Pengharaman dan Penghapusan Komunis di Indonesia | 80 – 84 |
| 4.4 Penamatan Konfrontasi Malaysia – Indonesia       | 84 – 88 |
| 4.5 Kesimpulan                                       | 88 - 90 |

|                          |         |
|--------------------------|---------|
| <b>BAB 5: KESIMPULAN</b> | 90 – 98 |
|--------------------------|---------|

|                 |          |
|-----------------|----------|
| <b>LAMPIRAN</b> | 99 - 105 |
|-----------------|----------|

#### **BIBLIOGRAFI**

## SENARAI JADUAL

|                                                                          | Halaman |
|--------------------------------------------------------------------------|---------|
| Jadual 2.1: Senarai Komuniti Perisikan Amerika Syarikat                  | 31 -32  |
| Jadual 2.2: Operasi CIA                                                  | 42      |
| Jadual 2.3: Perkhidmatan Ketenteraan British semasa<br>Perang Dunia ke-2 | 43      |
| Jadual 2.4: Bahagian Kepakaran SAS                                       | 45      |
| Jadual 2.5 : Operasi SAS di Peringkat Antarabangsa                       | 46      |
| Jadual 3.4: Tentera British d Sarawak dan Sabah, 1963                    | 55      |
| Jadual 3.5: Operasi Claret oleh SAS                                      | 60      |
| Jadual 4.1: Fasal alam Undang-Undang Dasar (UUD), 1945                   | 72      |
| Jadual 4.2: Pelopor Tritura                                              | 75      |
| Jadual 4.3: Bahagian Kementerian Kepemimpinan Orde Baru Soeharto         | 79      |

## SENARAI RAJAH

|                                                                  | Halaman |
|------------------------------------------------------------------|---------|
| Rajah 2.1: Kronologi Peistiwa Pembentukan Malaysia               | 24      |
| Rajah 2.2: Proses Penciptaan Komuniti Perisikan Amerika Syarikat | 35      |
| Rajah 2.3: Organisasi <i>Office Strategic Service</i> OSS, 1944  | 36      |

## SENARAI PETA

|                                                                | Halaman |
|----------------------------------------------------------------|---------|
| Peta 2.1: Operasi OSS di Utara Itali, Mac 1945                 | 37      |
| Peta 2.2: Misi dan Pangkalan OSS di Asia Timur, September 1945 | 38      |

**SENARAI GAMBAR****Halaman**

|                                                                                   |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----|
| Gambar 2.1: Perbincangan Suruhanjaya Cobbold                                      | 25 |
| Gambar 2.2: Logo CIA                                                              | 40 |
| Gambar 2.3: Pejabat CIA, CIRCA 1950                                               | 41 |
| Gambar 3.1: Demonstrasi Gerwani                                                   | 52 |
| Gambar 3.2: Lencana Garuda, Sauh dengan Rantai dan Huruf<br>A.L.R.I pada Senapang | 63 |
| Gambar 3.3: Identiti Tentera Indonesia                                            | 64 |
| Gambar 3.4: Askar di Nanga Gaat, Sungai Rejang, 1964                              | 66 |
| Gambar 3.5: Operasi Claret di Sarawak                                             | 68 |
| Gambar 4.1: Antara Isi Supersemar                                                 | 77 |
| Gambar 4.2: Penangkapan Ahli PKI                                                  | 82 |
| Gambar 4.3: Penghancuran Markas PKI                                               | 83 |



## SENARAI SINGKATAN

|                |                                                                         |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <i>AFISRA</i>  | - <i>Air Force Intelligence, Surveillance and Reconnaissance Agency</i> |
| <i>CGIS</i>    | - <i>Coast Guard Investigative Service</i>                              |
| <i>CIA</i>     | - <i>Central Intelligence Agency</i>                                    |
| <i>DEA</i>     | - <i>Drug Enforcement Administration</i>                                |
| <i>DIA</i>     | - <i>Defense Intelligence Agency</i>                                    |
| DPR – GR       | - Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong                                 |
| <i>FBI</i>     | - <i>Federal Bureau of Investigation</i>                                |
| <i>I&amp;A</i> | - <i>Office of Intelligence and Analysis</i>                            |
| <i>INR</i>     | - <i>Bureau of Intelligence and Research</i>                            |
| KABI           | - Kesatuan Aksi Buruh Indonesia                                         |
| KAGI           | - Kesatuan Aksi Guru Indonesia                                          |
| KAPI           | - Kesatuan Aksi Pelajar Indonesia                                       |
| KAPPI          | - Kesatuan Aksi Pemuda Pelajar Indonesia                                |
| KAMI           | - Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia                                     |
| KAWI           | - Kesatuan Aksi Wanita Indonesia                                        |
| <i>MCLA</i>    | - <i>Marine Corps Intelligence Activity</i>                             |
| <i>MI</i>      | - <i>Army Intelligence and Security Command</i>                         |
| MPRS           | - Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara Republik                     |

## Indonesia

|       |                                                  |
|-------|--------------------------------------------------|
| NGA   | - <i>National Geospatial-Intelligence Agency</i> |
| NRO   | - <i>National Reconnaissance Office</i>          |
| NSA   | - <i>National Security Agency</i>                |
| ONI   | - <i>Office of Naval Intelligence</i>            |
| PKI   | - Parti Komunis Indonesia                        |
| SAS   | - <i>Special Air Service British</i>             |
| SOBSI | - Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia     |
| TNKU  | - Tentara Nasional Kalimantan Utara              |



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia berlaku pada tahun 1963 sehingga tahun 1966. Walaupun ianya bukan suatu tempoh masa yang panjang iaitu hanya hampir tiga tahun sahaja kejadiannya, tetapi peristiwa tersebut sangat memberi pengaruh dan impak yang besar terutamanya dari sudut sejarah kedua-dua negara ini. Sepanjang peristiwa tersebut berlaku, kedua-dua negara, tidak kira Indonesia mahupun Malaysia menggunakan pelbagai cara, sama ada secara bersenjata mahupun tanpa senjata untuk memenangi hati serta pemikiran rakyatnya.<sup>1</sup>

Peristiwa konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia ini juga banyak dicatatkan dalam sejarah dan terjadi selepas peristiwa Pemberontakan Brunei pada bulan Disember 1962. Pada ketika itu, Indonesia telah

---

<sup>1</sup> Sahul Hamid Mohamed Maiddin, "Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia - Indonesia, 1963-1966," Universiti Malaya, 2010, hlm. 1, [https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/976\\_976.pdf](https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/976_976.pdf).





mengambil langkah dengan mengumumkan sokongan mereka kepada pemberontakan yang berlaku dan menyatakan bantahan mereka terhadap rancangan penubuhan Persekutuan Malaysia yang telah dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. Polisi konfrontasi terhadap Malaya ketika itu juga adalah berlandaskan kepada hal ehwal berkaitan ekonomi serta hubungan luar. Presiden Indonesia ketika itu, iaitu Presiden Soekarno menganggap pembentukan Persekutuan Malaysia ini sebagai kolonialisme dan imperialisme dalam bentuk baru, dan pada tafsirannya, Malaysia hanya dijadikan sebagai “Boneka Inggeris”.

Meskipun rundingan diantara kedua-dua belah pihak berulang kali dilakukan bagi menyelesaikan isu ini, namun, ianya tetap tidak menemui sebarang kata kesepakatan yang jelas. Indonesia menerusi Presiden Soekarno mengumumkan pula kempen ‘Ganyang Malaysia’ pada 25 September 1963 sebagai bantahannya dan mengambil langkah agresif dengan melakukan serangan serta pencerobohan. Pencerobohan yang dilakukan tersebut, termasuklah di Semenanjung Malaysia serta Singapura. Malaysia yang ketika itu baru sahaja berdiri sebagai sebuah kerajaan terpaksa meminta bantuan British dan ketika itu berjaya mendesak tentera Indonesia untuk berundur seketika.

Tahun 1965 merupakan tahun yang sangat penting kerana pada tahun inilah diperlihatkan bahawa adanya siri pemberontakan yang berlaku di Indonesia semasa era konfrontasi tersebut. Pemberontakan yang kemuncaknya berlaku pada 30 September 1965, merupakan pemberontakan berdarah yang menyaksikan ramai pemimpin kanan Soekarno terbunuh. Peristiwa 30 September 1965 atau turut dikenali sebagai Gestok atau peristiwa Gerakan September Tiga Puluh (Gestapu) ini adalah peristiwa yang menyayat hati kerana memperlihatkan banyak pengorbanan nyawa terutamanya dalam kalangan pasukan pertahanan negara Indonesia.





Britain melalui unit propagandanya menggunakan serangan psikologi ke atas Indonesia dengan memburukkan Parti Komunis Indonesia atau singkatannya PKI dan juga presiden Soekarno bagi mewujudkan kebencian bangsa Indonesia ketika itu. Dalam pada peristiwa ini jugalah adanya penglibatan secara tidak langsung yang dimainkan oleh *Central Intelligence Agency, CIA* dan *Special Air Service British, SAS* yang diatur gerakkan oleh Norman Reddaway iaitu pegawai kanan pejabat asing di Singapura. Peranan yang dimainkan oleh kedua - dua agensi ini di dalam peristiwa G30S secara tidak langsung memberikan sumbangan yang besar terhadap tamatnya konfrontasi di antara Malaysia dan Indonesia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Secara amnya, Malaysia dan Indonesia memang sudah lama mempunyai latar hubungan negara sesama sendiri. Selain mempunyai ciri kebudayaan yang serupa, kedua-dua negara turut berkongsi ciri geografi yang sama. Bukan sahaja kedua-duanya ini terletak di rantau Asia Tenggara, tetapi juga rakyatnya kebanyakannya datang daripada leluhur rumpun yang sama. Perjanjian Tanah Melayu – Indonesia yang ditandatangani pada 17 April 1959 menjadi bukti hubungan diplomatik di antara keduanya.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman menyatakan hasratnya untuk membentuk suatu gabungan kerjasama di antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Brunei dan Sarawak melalui hubungan kerjasama politik dan



ekonomi. Hasrat ini telah disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam ucapan persidangannya di Hotel Adelphi, yang terletak di Singapura.<sup>2</sup>

Persidangan yang berlangsung di Singapura tersebut seterusnya membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia atau turut dikenali sebagai *Malaysia Solidarity Consultative Committee* yang bertujuan untuk menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan konsep Malaysia terutamanya menerapkan pemahaman rakyat Sabah, Sarawak dan juga Brunei.

Jawatankuasa ini menjalankan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan penubuhan Malaysia dan seterusnya membawa kepada pengemukaan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold. Beberapa perkara penting ditekankan untuk dijadikan asas penubuhan Malaysia seperti Jawatankuasa bersetuju bahawa Perlembagaan Tanah Melayu dijadikan asas Perlembagaan Malaysia, perlunya kerajaan persekutuan yang kuat dan berkuasa dalam hubungan luar, aspek pertahanan dan keselamatan serta agama Islam yang dijadikan sebagai agama rasmi.

Gagasan yang dibawa oleh Tunku Abdul Rahman meskipun disokong pada peringkat awalnya oleh Indonesia, tetapi ianya tidak berkekalan apabila negara tertangga Malaysia itu sendiri memberi respon negatif dengan menyemarakkan api konfrontasi melalui kempen “Ganyang Malaysia”. Penceroohan demi penceroohan telah dilakukan terutamanya melibatkan kawasan sempadan Malaysia-Indonesia sehingga melibatkan pengorbanan nyawa di pihak pasukan keselamatan terutamanya Malaysia.

Rundingan demi rundingan telah dilakukan sebagai cara diplomasi kearah

---

<sup>2</sup> Arkib Negara Malaysia, *Arkib Warisan Eksklusif*, Cetaka Per (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2016), hlm. 207.



menghentikan konfrontasi tetapi rundingan yang dijalankan tersebut tetap menemui jalan buntu. Amerika Syarikat dan kuasa British yang pada mulanya kurang menonjol di dalam peristiwa ini akhirnya turut memainkan peranannya yang tersendiri dalam usaha membantu dan menghentikan konfrontasi ini. Peristiwa G30S yang berlaku di Indonesia dan disandarkan kepada PKI iaitu Parti Komunis Indonesia semasa tempoh konfrontasi juga sedikit sebanyak membawa kesan negatif kepada Indonesia dan penggulingan presidennya Soekarno.

Pengharaman PKI pada 18 Oktober 1965 dan penyerahan kuasa presiden Indonesia kepada Suharto pada Mac 1966 secara tidak langsung membuka lembaran baru terhadap hubungan Malaysia-Indonesia. Konfrontasi Malaysia-Indonesia akhirnya ditamatkan apabila termeterainya Perjanjian Damai yang ditandatangani pada 11 Ogos 1966 yang sekaligus membawa kepada pemulihan hubungan diplomatik

kedua negara ini.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Setiap kali mengupas isu berkaitan Gerakan 30 September 1959, kebanyakan penulis mahupun pengkaji biasanya akan banyak memfokuskan terhadap peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang berhaluan kiri. Kurang penulisan berkaitan isu ini yang mengetengahkan sumbangan *Central Intelligence Agency, CIA* dan *Special Air Service British, SAS* sebagai agensi perisikan pusat serta badan operasi khas antarabangsa yang sebenarnya secara tidak langsung meninggalkan kesan besar terhadap gerakan berdarah tersebut.

Peranan yang dimainkan oleh kedua agensi ini jelasnya bukan meninggalkan





kesan terhadap pemerintahan pemerintah Indonesia ketika itu iaitu Soekarno sahaja, malah kepada Malaysia itu sendiri.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif yang digariskan melalui kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti latar belakang kewujudan *Central Intelligence Agency, CIA* dan *Special Air Service British, SAS* sebagai agensi perisikan pusat serta badan operasi khas antarabangsa.
2. Menganalisis sejauh mana hubungkait *CIA* dan *SAS* dalam Tragedi Gerakan 30 September (G30S) yang berlaku di Indonesia pada tahun 1965.
3. Menilai kesan keterlibatan *CIA* dan *SAS* dalam G30S yang membawa kepada penyelesaian isu konfrontasi melibatkan Malaysia dan juga Indonesia pada tahun 1963 sehingga 1966.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah penting kerana ianya dapat memberi pendedahan berkaitan aspek pertahanan dan keselamatan negara. Melalui kajian ini, pembaca boleh mengetahui sejauh mana kewujudan dan peranan pasukan keselamatan nasional seperti *Central Intelligence Agency, CIA* dan *Special Air Service British, SAS* dalam membantu negara-negara yang baru merdeka dan membangun menangani konflik





yang berlaku sesama serantau. Ini kerana pada dasarnya agensi seperti *CIA* tersebut ditubuhkan bertujuan untuk menjadi perisik berkaitan aktiviti sesebuah negara mahupun aktiviti pengganasan di luar negara.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga penting terutama dari sudut politik kerana ianya melibatkan perhubungan antarabangsa. Apabila sesebuah negara itu mempunyai hubungan antarabangsa yang baik dengan sesebuah negara lain, maka ianya mencerminkan bahawa negara itu diiktiraf. Hubungan yang baik di antara negara tersebut juga secara tidak langsung membawa kepada perkembangan sektor pasaran dan perekonomian negara.

## 1.6 Skop Kajian



Skop kajian ini meliputi skop masa ataupun pemilihan tahun yang bersesuaian dengan tahun kajian yang dijalankan, skop tempat atau kawasan kajian dan juga skop aspek yang menjadi fokus kajian.

### 1.6.1 Masa

Tempoh masa yang difokuskan adalah bermula dari tahun 1963 dan berakhir pada tahun 1966. Tempoh ini dipilih kerana tempoh tersebut iaitu tahun 1963 itu merujuk kepada tahun bermulanya konfrontasi Malaysia-Indonesia dan tahun 1966, pula adalah tahun termeterainya Perjanjian Damai di antara kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia dalam menyelesaikan konfrontasi sepenuhnya. Tahun 1965 pula merupakan tahun



berlakunya cubaan kudeta yang mengorbankan nyawa dan pada jangka masa tahun yang dipilih inilah adanya peranan daripada pihak *CIA* dan *SAS* secara tidak langsung.

### 1.6.2 Tempat

Bagi kajian ini, lokasi yang akan difokuskan adalah di Malaysia dan juga Indonesia semasa era konfrontasi berlaku. Indonesia merupakan negara berjiranan dengan Malaysia dan berada dalam satu gugusan kepulauan. Ini secara tidak langsung membawa kepada perkongsian banyak peristiwa sejarah penting di antara kedua negara ini.

### 1.6.3 Aspek

Pengkaji akan menumpukan kajian ini kepada peranan yang dimainkan oleh *Central Intelligence Agency, CIA* dan *Special Air Service British, SAS* dalam peristiwa Gerakan 30 September atau singkatannya G30S yang berlaku di Indonesia antara tahun 1963 hingga tahun 1966 sehingga membawa kepada penggulingan Presiden Indonesia, pengharaman Parti Komunis Indonesia (PKI) dan Konfrontasi Malaysia-Indonesia.

## 1.7 Tinjauan Kajian Lepas

Secara umumnya, terdapat beberapa kajian lepas yang telah dirujuk bagi menghasilkan penulisan berkaitan kajian ini. Penulisan yang dirujuk adalah berkaitan dengan zaman Konfrontasi Malaysia – Indonesia, peristiwa yang berhubungkait

dengannya, hal berkaitan perisikan dan pertahanan serta tidak ketinggalan berkaitan dengan pemerintahan presiden Soekarno di Indonesia.

Pelbagai buku yang mengisahkan tentang peristiwa konfrontasi mahupun hal berkaitan perisikan dan pertahanan. Antara buku yang menjadi rujukan utama ialah buku Kudeta 1 Oktober 1965: Sebuah Studi tentang Konspirasi, yang merupakan hasil penulisan Victor M. Fic serta diterjemahkan oleh Rahman Zainuddin, Bernard Hidayat dan juga Masri Maris.

Buku yang diterbitkan pada tahun 2005 oleh Yayasan Obor Indonesia ini merupakan buku yang banyak memberi pendedahan tentang kejadian-kejadian yang berlaku di sebalik peristiwa Gestapu atau turut dikenali sebagai G30S atau Gestok. Buku ini bukan sahaja memaparkan teori-teori berlakunya G30S daripada pelbagai pendapat tetapi juga bagaimana peristiwa tersebut berlaku. Kepelbagaian teori yang dikemukakan didalam buku ini menggambarkan percambahan perspektif daripada pengkaji sebelumnya dan kepelbagaian tersebut turut membantu dalam pengkajian kini. Dari sisi positif, penulis buku ini tidak berat sebelah berkaitan pengisahannya.

Selain itu, buku lain yang turut menjadi pembacaan ialah buku daripada Nick Van Der Bijl yang bertajuk *Confrontation: the War with Indonesia 1962 – 1966*.<sup>3</sup> Buku yang diterbitkan pada tahun 2007 ini banyak memberi pendedahan tentang pertahanan yang melibatkan British. Buku ini padat dengan fakta berkaitan pertahanan British di Borneo termasuklah Operasi Claret yang dilancarkan bagi mengekang pencerobohan dan kemaraan tentera Indonesia. Dengan buku ini, pemahaman berkaitan Operasi Claret di Borneo dapat dipertingkatkan.

Bukan itu sahaja, buku terbitan tempatan juga digunakan dalam

<sup>3</sup> Nick Van Der Bijl, *Confrontation: The War with Indonesia 1962 - 1966* (Pen & Sword Military, 2007).

menyelesaikan kajian ini. Buku yang turut dirujuk sepanjang menyelesaikan kajian adalah buku berjudul *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, karya Nik Anuar Nik Mahmud. Buku ini diterbitkan pada tahun 2000 melalui terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ini banyak menyentuh berkaitan sejarah di sebalik penubuhan Malaysia yang bermula dengan gagasan oleh Tunku Abdul Rahman sehinggalah ke Rundingan Damai.

Dalam buku ini menyatakan bahawa Gagasan Malaysia yang dibawa oleh Tunku mencetuskan kontroversi apabila Indonesia selaku negara jiran Malaysia dan Filipina membantahnya dengan pelbagai alasan. Namun begitu, bantahan tersebut bukanlah suatu alasan untuk menghentikan hasrat Tunku meskipun menghadapi pelbagai rintangan.<sup>4</sup>

Bagi mengukuhkan pengetahuan tentang Indonesia terutamanya semasa pemerintahan Soekarno, turut dibaca dan dirujuk buku daripada negara jiran, iaitu Indonesia yang berjudul *Sejarah Surat Perintah 11 Maret 1966*.<sup>5</sup> Buku yang diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan dan Kebudayaan bagi Jabatan Sejarah dan Nilai Sejarah Nasional Jakarta pada tahun 1986 ini membantu dalam memahami pemerintahan semasa Orde Lama di bawah Soekarno dan juga pemerintahan bercorak Orde Baru di bawah Soeharto. Buku ini menerangkan secara terperinci berkaitan pengeluaran Supersemar yang kemudiannya surat tersebut menjadi pendorong kearah peralihan kekuasaan di Indonesia.

Selain bacaan daripada buku, turut dikaji beberapa penulisan artikel. Antara

---

<sup>4</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Cetakan Pe (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), hlm. 41, <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/download/53/45>, diakses pada 7 November 2022.

<sup>5</sup> Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Surat Perintah 11 Maret Surat Perintah 11 Maret* (Direktorat Sejarah dan Nilai tradisional, 1986), [https://repositori.kemdikbud.go.id/12978/1/Sejarah Surat Perintah 11 Maret 1996.pdf](https://repositori.kemdikbud.go.id/12978/1/Sejarah_Surat_Perintah_11_Maret_1996.pdf).

artikel yang dikaji dalam menyelesaikan kajian ini ialah artikel hasil karangan Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala dan Ramli Dollah yang berjudul “Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia Terhadap Sarawak dan Sabah Pada Tahun 1963”.<sup>6</sup>

Antara input yang dapat dijadikan rujukan dan panduan melalui artikel jurnal ini adalah berkaitan dengan maklumat dan data berkaitan pencerobohan yang pernah berlaku di Sabah dan Sarawak ketika era Konfrontasi. Artikel ini menggariskan dengan jelas lokasi-lokasi serta bilangan penceroboh yang pernah mencerobohi Malaysia ketika peristiwa tersebut. Bukan sahaja data yang diberikan tersebut tertumpu kepada peristiwa selepas berlakunya konfrontasi, tetapi juga data yang dimuatkan itu datangnya daripada data sebelum era konfrontasi berlaku yang menggambarkan sudah adanya usaha-usaha pencerobohan oleh negara seberang ke tanah Malaysia. Data yang diberikan itu diambil sebagai panduan kerana secara tidak langsung iainya berkaitan dengan latar belakang konfrontasi yang juga termasuk dalam kajian ini.

Bukan itu sahaja, artikel lain yang turut dijadikan sebagai kajian lepas ialah artikel yang berjudul “Amerika Syarikat Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966” yang ditulis oleh Sah-Hidayatan Ismail. Artikel ini sedikit sebanyak membantu penulisan kajian ini kerana melaluinya pengkaji mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan penglibatan Amerika Syarikat dalam peristiwa Konfrontasi yang berlaku antara Indonesia dan Malaysia bermula tahun 1963-1966.<sup>7</sup>

Artikel yang dimuatkan dalam Jebat: *Malaysian Journal History, Politics &*

<sup>6</sup> Bilcher Bala dan Ramli Dollah Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, “Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia Terhadap Sarawak dan Sabah Pada Tahun 1963,” *Jurnal Borneo Akhailogia* 4, no. 1 (2019): 17–36.

<sup>7</sup> Sah-Hadiyatan Ismail, “Amerika Syarikat dan Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966,” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 4, no. Jun 2014 (2016): 65–68.

*Strategic Studies* , jilid 43 (1) ini menjelaskan dengan terperinci bagaimana Amerika Syarikat yang pada mulanya berpihak kepada Indonesia akhirnya bertukar sokongannya kepada Malaysia ketika konfrontasi. Artikel jurnal ini sesungguhnya memberi cambahan idea kepada pengkaji untuk meneliti dengan lebih mendalam peranan yang dimainkan oleh pihak Amerika Syarikat dalam membantutkan usaha Indonesia.

Antara sumber sekunder penting yang dirujuk ialah hasil penulisan Sahul Hamid bin Mohammed Maidin berkaitan propaganda dan perang saraf dalam era konfrontasi Malaysia – Indonesia, 1963 – 1966. Kajian ini merupakan satu kajian yang berfokuskan terhadap propaganda dan perang saraf yang digunakan semasa era konfrontasi yang berlaku bermula tahun 1963. Memetik kajian ini, Sahul Hamid di dalam kajiannya menyatakan bahawa ketika konfrontasi, Malaysia tidak bersendirian, malah dibantu oleh tentera dari Britain, Australia dan New Zealand.<sup>8</sup> Ini menunjukkan bahawa peristiwa konfrontasi tersebut bukan sahaja melibatkan dua buah negara sahaja iaitu Malaysia dan Indonesia tetapi turut kuasa lainnya.

Kajian ini justeru disokong dengan penulisan artikel oleh pengkaji yang sama di dalam Jebat: *Malaysian Journal of History , Politics & Strategic Studies*, jilid 44(2) dengan tajuk “ Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Agensi Propaganda: Pengalaman Malaysia Sejak Darurat Sehingga Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1948 – 1965)”.<sup>9</sup>

Artikel jurnal serta kajian lampau yang telah dijalankan oleh pengkaji

---

<sup>8</sup> Sahul Hamid Mohamed Maiddin, “Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia - Indonesia, 1963-1966, hlm. 4”

<sup>9</sup> Sahul Hamid Mohamed Maidin, “Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Agensi Propaganda: Pengalaman Malaysia Sejak Darurat Sehingga Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1948-1965),” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 44, no. 2 (2017): 137–58.



terdahulu ini membantu pengkaji untuk lebih memahami sejarah berkaitan propaganda yang hakikatnya ada digunakan semasa zaman konfrontasi Malaysia-Indonesia. Propaganda dan perang saraf dijadikan sebagai alat bagi mendapatkan kepercayaan dan keyakinan daripada rakyat serta menjaga politik semasa negara yang sedang “bertelagah” di medan konfrontasi yang dicipta oleh negara tetangga.

Tesis ilmiah Aloysius Bram Widyanto juga telah dirujuk bagi membantu menyiapkan kajian ini. Di dalam kajiannya yang berjudul “Masa Akhir Kepimpinan Sukarno 1965-1968” menyatakan bahawa G30S atau Gerakan 30 September merupakan peristiwa yang menjadi penyebab khas terhadap kejatuhan Sukarno.<sup>10</sup> Aloysius di dalam kajiannya ini memberi tumpuan terhadap peristiwa penggulingan kepimpinan Sukarno yang turut disebabkan oleh Peristiwa Gerakan 30 September yang berlaku di Indonesia, yang mana juga ketika masuhnya terjadi konflik persengkataan Malaysia dan Indonesia menerusi peristiwa konfrontasi.

Aloysius di dalam kajiannya ini lebih memfokuskan tentang tokoh pemimpin Soekarno bermula dengan pemerintahan tokoh tersebut yang bercorak Demokrasi Terpimpin yang dilaksanakan oleh presiden Indonesia tersebut dari 1959 sehingga tahun 1966, ajaran nasakom, ajaran resopim serta tidak ketinggalan berkaitan Parti Komunis Indonesia (PKI). Kajian yang dibuat oleh pengkaji yang berasal daripada Indonesia ini jelas membantu pengkaji untuk lebih memahami jalur masa serta pendekatan-pendekatan yang dibawa semasa pemerintahan Presiden Soekarno serta hubungkaitnya dengan Parti Komunis Indonesia (PKI).

Pengkaji turut meneliti sebuah tesis yang bertajuk Pemikiran Sukarno di

<sup>10</sup> Aloysius Bram Widyanto, “Masa Akhir Kepimpinan Sukarno 1965 - 1968” (Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, 2010), [https://repository.usd.ac.id/25510/2/084114001\\_Full%5B1%5D.pdf](https://repository.usd.ac.id/25510/2/084114001_Full%5B1%5D.pdf), hlm. vii.



Sebalik Konfrontasi Indonesia 1959 -1963, hasil tinjauan psikologi politik oleh Chandra Purnama. Kajian ini lebih memfokuskan kearah pemikiran dan kecenderungan tindakan Sukarno dalam memimpin negara Indonesia.<sup>11</sup> Kajian ini dirujuk kerana, seperti yang diketahui, Sukarno merupakan sosok penting terhadap peristiwa konfrontasi dan rujukan keatas kajian ini bagi mencari tahu sejauhmana pemikiran Soekarno yang dikaji oleh pengkaji terdahulu ini memberi kesan kepada peristiwa tersebut.

Bukan itu sahaja, bagi mengukuhkan kajian, pembacaan terhadap penulisan lain berkaitan tajuk juga telah dilakukan. Penulisan yang bertajuk “Dasar Luar Australia Terhadap Indonesia 1962-1966” iaitu hasil kajian Hazza Haslina Napih dirujuk bagi melihat peranan yang dimainkan oleh Barat dalam mengatasi konfrontasi Malaysia-Indonesia.

Melalui penulisan tersebut, ada dinyatakan oleh Hazza Haslina bahawa penglibatan langsung British dalam isu konfrontasi disebabkan ia mempunyai tanggungjawab mempertahankan Malaysia di bawah AMDA. Tahanan Malaya ketika itu juga kekal diletakkan di bawah British disebabkan oleh keadaan Malaya tidak mampu untuk mempertahankan negaranya sendiri.<sup>12</sup>

Walaupun penulisan ini lebih menjurus terhadap peranan Australia terhadap Indonesia dalam konteks konfrontasi, tetapi ianya juga tidak terlepas dalam memberi maklumat berkaitan peranan kuasa barat lain dan ianya membantu kajian yang hendak dilakukan terutamanya penerangan berkaitan British.

Bagi memahami peristiwa konfrontasi dengan lebih lanjut, pembacaan turut

---

<sup>11</sup> Chandra Purnama, “Pemikiran Sukarno di Sebalik Tabir Konfrontasi Indonesia 1959 - 1965” (Universiti Utara Malaysia, 2015), <https://etd.uum.edu.my/5309/>.

<sup>12</sup> Hazza Haslina Napih, “Dasar Luar Australia Terhadap Malaysia” (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), hlm. 66.

dilakukan melalui pembacaan terhadap penulisan Masshida binti Haji Manap yang dihasilkan pada tahun 2006. Penyelidikannya berjudul “Tunku Abdul Rahman dan Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1961-1966”.

Penyelidikan tersebut boleh dianggap berdekatan dengan kajian yang hendak dijalankan tetapi fokus yang berlainan kerana pengkaji terdahulu hanya menumpukan kepada peranan Tunku Abdul Rahman di samping melihat punca berlakunya konfrontasi Malaysia-Indonesia dan penglibatan kedua-dua negara, Malaysia dan Indonesia dalam konflik yang berlaku.<sup>13</sup>

Terdapat juga kajian lepas lain yang turut dirasakan penting dan juga membantu dalam kajian ini. Kajian tersebut adalah kajian daripada sarjana Indonesia iaitu Luluk Syarifah H dengan judul kajian “Peran *Central Intelligence Agency* (CIA) dalam Peristiwa Penggulingan Presiden Sukarno”. Kajian ini merupakan kajian yang

dibuat pada tahun 2016.<sup>14</sup>

Kajian ini dianggap penting bagi pengkaji kerana ianya memperlihatkan peranan *CIA* yang turut menjadi tumpuan kajian. Melalui kajian ini, pengkaji terdahulu memberi kesimpulan bahawa campur tangan *CIA* terhadap peristiwa penggulingan presiden Sukarno ada kaitannya dengan ideologi komunis yang tersebar luar di Indonesia serta mendapat sambutan baik melalui PKI.

Melalui kajian lepas itu juga, dapat diketahui bahawa Amerika Syarikat menggunakan *CIA* untuk menyinggirkan presiden Soekarno. Amerika Syarikat menggunakan pelbagai cara baik iaitu secara terbuka mahupun tertutup serta ditambah

<sup>13</sup> Masshida Manap, “Tunku Abdul Rahman Dan Konfrontasi Malaysia - Inonesia 1961-1966” (Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2006).

<sup>14</sup> Luluk Syarifah H, “Peran Central Intelligence Agency (CIA) dalam Peristiwa Penggulingan Preiden Sukarno Tahun 1955-1968” (Universiti Jember, 2016), [https://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/78852/Luluk Syarifah H\\_1.pdf?sequence=1&isAllowed=y](https://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/78852/Luluk%20Syarifah%20H_1.pdf?sequence=1&isAllowed=y).

dengan gerakan anti-Sukarno supaya kuasa Sukarno dihapus digantikan dengan kepemimpinan baru dibawah pimpinan Soeharto.<sup>15</sup>

Hasil penelitian kajian lepas juga mendapati bahawa terdapat kajian yang menentengahkan bahawa PKI sebagai kambing hitam dalam tragedi G30S. Kajian tersebut merupakan kajian yang dijalankan oleh Silvia Pristi Werdinggar dengan judul kajian ilmiahnya “Tragedi 1965 di Indonesia Perspektif Kambing Hitam Rene Girard”.<sup>16</sup> Pengkaji melalui kajiannya menggunakan teori Rene Girard iaitu seorang tokoh pemikir abad ke-20 yang berasal daripada Perancis bagi membuktikan bahawa PKI bukanlah dalang sebenar dalam usaha kudeta di Indonesia yang berlaku pada tahun 1965.

Kajian ini turut memberi satu perspektif baru yang berlainan daripada kebanyakan kajian kerana ianya tidak meletakkan kudeta tersebut sebagai rancangan PKI mahupun kaitan dengan Soekarno, tetapi sebaliknya peranan oleh Soeharto.

Sesungguhnya, telah banyak kajian lepas yang telah menggariskan tentang peristiwa konfrontasi, pemikiran Soekarno hatta kajian yang menyelitikan tentang peristiwa G30S ini, namun begitu masih kurangnya kajian lepas yang menggariskan secara terperinci berkaitan peranan dua agensi nasional juga pertahanan antarabangsa iaitu *CIA* dan *SAS* yang memacu kepada kejatuhan presiden Soekarno ketika era konfrontasi. Maka daripada itu, penulisan pada kajian ini akan berfokus kepada peranan yang dimainkan oleh kedua-dua agensi ini di dalam peristiwa Gerakan 30 September 1965 tersebut secara mendalam sehingga secara tidak langsung membawa kepada penyelesaian isu konfrontasi yang dialami antara kedua negara berkenaan.

<sup>15</sup> Sumarno dan Luluk Syarifah H Kayan Swastika, “Peran Central Intelligence Agency (CIA) Dalam Peristiwa Penggulingan Presiden Sukarno Tahun 1955-1968,” *Jurnal Pendidikan Dan Humaniora* 55, no. 1 (2017): 61–64, hlm. 86.

<sup>16</sup> Silvia Pristi Werdinggar, “Tragedi 1965 Di Indonesia Perspektif Kambing Hitam Rene Girard,” *Universitas Sanata Dharma* (Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, 2015), [https://repository.usd.ac.id/1051/2/094314005\\_full.pdf](https://repository.usd.ac.id/1051/2/094314005_full.pdf).



## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian sejarah yang mempunyai reka bentuk kajiannya yang tersendiri. Pendekatan kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Kaedah ini digunakan dengan menganalisis data-data berkaitan kajian secara tertutup dan mendalam.

Pengkaji membuat penyelidikan terhadap bahan-bahan rujukan yang diperolehi daripada perpustakaan universiti dan perpustakaan awam seperti Perpustakaan Universiti Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris serta perpustakaan-perpustakaan universiti lain secara dalam talian.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan penganalisan bahan berdasarkan fail-fail yang terkandung dalam laman sesawang yang berautoriti seperti *Trove Newspaper*, *FRUS*, dan *Newspaper Singapore Archive*. Pengkaji turut mendapatkan sumber-sumber daripada arkib tidak kira secara dalam talian dan juga ke lokaliti arkib tersebut. Antara sumber arkib secara dalam talian seperti daripada *National Archive London*, *National Archive Singapura*, *National Security Archive*, dokumen daripada pejabat *CIA* serta dokumen yang diperolehi daripada kunjungan ke Arkib Negara Malaysia.

Kaedah yang paling penting dalam menulis dan menghasilkan kajian adalah dengan menggunakan kaedah penulisan sejarah bagi membolehkan sesuatu penulisan berdasarkan fakta yang sahih dengan menyatakan rujukan yang diperolehi agar penulisan yang dihasilkan menarik dengan kupasan idea yang tersendiri. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan kaedah penulisan deskriptif atau pemerihalan bagi mengupas dan memperincikan maklumat yang diperolehi. Bagi nota kaki dan bibliografi, gaya penulisan Chicago versi ke-17 digunakan.



## 1.9 Definisi Operasionl atau Konsep

Memahami sesuatu istilah adalah perkara yang penting dan wajar untuk ditekankan oleh sesiapa sahaja. Apabila seseorang itu memahami sesuatu istilah itu pastinya akan memudahkan proses pembacaan, jika ianya melibatkan pembacaan sesuatu bahan mahupun penulisan.

Terdapat beberapa istilah penting yang sentiasa diguna pakai dalam penulisan ini. Istilah-istilah tersebut perlu difahami dengan baik bagi mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap pembaca dalam kajian ini. Berikut adalah beberapa istilah yang akan ditekankan. Antaranya:

### Perisikan

*In Portuguese, the term informações corresponds to the English Intelligence, which means deep, complete, and comprehensive knowledge.<sup>17</sup>*

Kedua-dua istilah bahasa tersebut membawa maksud yang sama berkaitan perisikan yang menjurus kepada pengetahuan yang komprehensif atau teratur, lengkap dan juga mendalam. Jika dikaitkan dengan bahagian pertahanan mahupun keselamatan negara, jelasnya akan melibatkan aktiviti-aktiviti mahupun kerja-kerja berkaitan pengumpulan data maklumat sesuatu perkara.

Sitem perisikan tidak boleh dipisahkan dengan elemen pertempuran. Sistem

<sup>17</sup> C Silva and F Ribeiro, "Military Intelligence-A Tool of National Security and Defence," *Revista de Ciências Militares* VI, no. 2 (2018): 177–205, hlm. 180.



perisikan menjadi elemen kekuatan dalam hal ehwal pertempuran bagi sesebuah angkatan ketenteraan. ataupun sesebuah organisasi perisikan yang ditubuhkan. Hal ini kerana melaluinya akses terhadap maklumat musuh dapat diperolehi bagi mencapai objektif dalam sesebuah peperangan mahupun pengurangan risiko terhadap kekalahan pertempuran.<sup>18</sup>

### Propaganda

Propaganda merupakan satu istilah yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *propagare* yang beerti menyebarkan, menaburkan, membibitkan dan dikaitkan dengan bahasa Inggeris iaitu *propagate*, *generate*, atau *produce* yang bermaksud menanamkan atau memperbanyak tanaman.

Istilah *propagare* tersebut asalnya bersangkutan dengan bidang biologi tetapi berkembang penggunaannya sehingga ke bidang sains sosial yang beerti penyebaran idea atau gagasan, keyakinan mahupun isme tertentu.<sup>19</sup> Propaganda pada hari ini jelasnya menjadi teknik yang digunakan oleh sesetengah pihak untuk mempengaruhi seterusnya memanipulasi pihak lain. Propaganda turut boleh dijadikan sebagai salah satu alat bagi memerangi perang.

### Komunisme

Komunisme merujuk kepada satu ideologi yang wujud sekitar tahun 1830. Komunisme berasal daripada perkataan Perancis iaitu “komun” yang membawa makna istimewa (komuniti individu atau wilayah terkecil kerajaan tempatan dengan

<sup>18</sup>Suhaimi Sidek, Ezad Azraai Jamsari dan Farid Mat Zain, “Kepelbagaian Perisikan Era Nabawi,” *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2, no. 1 (2019): 111–23, hlm. 111.

<sup>19</sup> Moeryanto Ginting Munthe, “Propaganda Dan Ilmu Komunikasi,” *Jurnal ULTIMA Comm* 4, no. 1 (2012): 39–50, <https://doi.org/10.31937/ultimacomm.v4i1.429>, hlm. 45.



struktur kerajaan autonomi) serta dikaitkan dengan doktrin Marxis.<sup>20</sup> Ideologi ini merupakan sebuah ideologi yang membawa kepada gerakan sosial dan politik yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat tanpa kelas yang akan hidup sebagai sebuah masyarakat mahupun kerajaan yang demokrasi sekaligus tersusun atas pemilikan yang kolektif.

Ideologi komunisme ini berbeza pula dengan sistem komunis yang merujuk kepada gelaran yang digunakan oleh organisasi politik mahupun ekonomi yang berkongsi ciri-ciri umum tertentu seperti diperintah oleh satu parti, komited terhadap ideologi Marxisme-Leninisme serta sebahagian besar ekonomi mereka berada di tangan awam dan bukannya kerajaan.<sup>21</sup>

Penulisan ini akan membahaskan tentang peranan yang dimainkan oleh *CIA* dan *SAS* dalam penyelesaian isu konfrontasi di antara Malaysia dan Indonesia yang bermula sejak tahun 1963 sehingga tahun 1966. Secara umumnya, penulisan dalam projek tahun akhir ini mengandungi beberapa bab dan penulis membahagikannya kepada lima bab. Di dalam bab yang pertama, pembahasan tentang pengenalan kepada kajian.

Di dalam bab yang kedua, dibincangkan berkaitan latar belakang secara terperinci berkaitan peristiwa Konfrontasi, Perisihan Amerika Syarikat serta Ketenteran British. *Central Intelligence Agency*, *CIA* dan *Special Air Service British*, *SAS* sebagai agensi perisihan pusat serta badan operasi khas antarabangsa turut

<sup>20</sup> Gilang Rizki Aji Putra Ahmad Mukri Aji, Nur Rohim Yunus, "Communism and Its Influence on the Emergence of Atheism," *PJAE* 17, no. 9 (2020): 411–24, hlm. 413.

<sup>21</sup> D W Lovell, "Communist System," *Government and Politics*, vol. I, 1989, <https://www.eolss.net/sample-chapters/c04/E6-32-01-04.pdf>, hlm. 2.

dikisahkan dalam bab ini sehingga campur tangan pihak tersebut dalam konfrontasi yang melanda Indonesia dan Malaysia.. Antara perkara lanjut yang menjadi topik perbincangan seperti asal usul penubuhannya dan peranan yang dimainkan secara umum di peringkat nasional serta secara khusus terhadap negara di serantau Asia.

Bab ketiga adalah berkaitan dengan hubungkait *CIA* dan *SAS* dalam Tragedi Gerakan 30 September (G30S) yang berlaku di Indonesia pada tahun 1959. Melalui bab ini akan diuraikan secara lanjut bagaimana *CIA* dan *SAS* terlibat sebagai peranan penting dalam Tragedi berdarah G30S.

Bab keempat pula ialah dapatan mengenai kesan keterlibatan *CIA* dan *SAS* dalam G30S yang membawa kepada penyelesaian isu konfrontasi melibatkan Malaysia dan juga Indonesia pada tahun 1963 sehingga 1966. Di sinilah dapat dirungkai bagaimana berlakunya pertukaran corak perhubungan di antara negara

## 1.11 Rumusan

Semoga dengan terhasilnya penulisan ini dapat memberi pencerahan kepada masyarakat umum bahawa sebenarnya di sebalik peristiwa G30S atau Gestok ini bukan sahaja melibatkan PKI atau pihak komunis Indonesia sahaja namun sebenarnya turut ada campurtangan daripada pihak luar seperti British dan juga Amerika Syarikat yang secara tidak langsung penglibatan dua kuasa ini turut menjadi batu loncatan terhadap tamatnya konfrontasi Malaysia-Indonesia. Diharap penulisan ini juga sedikit sebanyak mampu dijadikan sebagai rujukan buat pengkaji akan datang.